

9

NO. SOALAN: 104

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** **BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA :** **DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN**  
**[ INDERA MAHKOTA ]**

**TARIKH :**

**RUJUKAN :** **10669**

**SOALAN:**

Dato' Fauzi Bin Abdul Rahman [ Indera Mahkota ] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak Kerajaan untuk mengembalikan status PDRM, yang satu ketika dahulu adalah yang terbaik di Asia dan antara terbaik di dunia, agar martabatnya di pandang tinggi di antarabangsa.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Dalam menghadapi pelbagai cabaran dalam era globalisasi dan K-ekonomi, PDRM perlu lebih berdaya saing agar dapat membina reputasi sebagai sebuah organisasi yang mampu mengurus keselamatan negara dengan cekap dan berkesan dalam abad ini.

Bertunjangkan matlamat ini PDRM telah melaksanakan transformasi untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat yang mana Ketua Polis Negara telah menggariskan empat fokus dalam memperkasakan serta memulihkan imej pasukan iaitu:-

### **1) Penghayatan kepada konsep “*Back to Basics*”**

Penekanan terhadap fokus ini dapat memperkasakan dan memulihkan imej PDRM melalui penerapan nilai murni, “*esprit de corps*” memperkasakan *frontliners*, pematuhan kepada undang-undang, menetapkan piawaian dan “Key Performance Indicator” (KPI) dan Zero Tolerance terhadap rasuah, salah guna kuasa dan isu-isu berkaitan integriti.

### **2) Memelihara Integriti dan menghindari rasuah.**

Antara strategi PDRM dalam memelihara integriti adalah dengan menguatkuasa undang-undang sedia ada, Perintah Tetap Ketua Polis Negara (PTKPN) serta melaksanakan pengukuhan integriti melalui pendidikan dan latihan,

pematuhan standard menerusi naziran, pemeriksaan berterusan, pemulihan menerusi kaunseling (*Corrective approach dan punitive approach*) dan pengiktirafan kepada pegawai dan anggota yang menolak rasuah.

**3) Memerangi aktiviti perjudian haram, jenayah bersindiket dan gangsterism.**

Antara strategi PDRM dalam membanteras judi ialah penguatkuasaan secara total iaitu siasatan yang berkualiti, tindakan pencegahan melalui Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA) Akta Pencegahan Penggubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATPUAA) bertujuan melumpuhkan sektor kewangan sindiket. Pindaan kepada Akta Rumah Judi Terbuka 1953 dan penggubalan rang Undang-undang Judi atas talian (*Online gaming Act*) untuk dibentangkan dalam Parlimen dalam tempoh yang terdekat ini.

**4) Memperkasakan *Intelligence-Led Policing* (ILP)**

*Intelligence Led Policing* (ILP) merujuk kepada usaha memerangi jenayah dengan himpunan risikan jenayah atau “*Intelligence*” melalui penggunaan teknologi canggih (*State of the art technologies*) yang membolehkan risikan dibuat dengan lebih cekap dan berkesan.

Selain daripada fokus tersebut, Kerajaan juga telah bersetuju untuk mengukuhkan Unit Rondaan Bermotosikal (URB) PDRM dengan

kekuatan sebanyak 5,000 buah motosikal. Penubuhan Unit Rondaan Bermotosikal (URB) adalah bagi meningkatkan keselamatan dan ketenteraman awam serta mengurangkan jenayah dan memberikan penumpuan pemantauan di kawasan perumahan. Sehingga tahun 2017, sebanyak 4,189 buah motosikal URB atau 83.78% yang telah diterima.

Selain itu, kerajaan juga bersetuju untuk pengambilan tambahan 50,000 anggota Pasukan Sukarelawan Simpanan Polis (PVRs) untuk membantu PDRM membuat rondaan dan menjadikan kawasan persekitaran lebih selamat. Jumlah terkini Sukarelawan Simpanan Polis (SSP) adalah seramai 15,749 orang (31.5%). Eksesais pengambilan keanggotaan baharu PVRs tidak dapat dilaksanakan mengikut unjuran yang telah ditetapkan disebabkan kekangan kewangan kerajaan.

Adalah diyakini dengan langkah-langkah yang telah diambil, perkhidmatan polis akan lebih disegani dan reputasi PDRM sebagai pasukan polis yang terbaik satu ketika dulu dapat dikembalikan malah diharapkan setanding dengan pasukan polis di peringkat antarabangsa.